



WarnerMedia Dasar Privasi Pekerja ("Dasar")

Tarikh kuat kuasa - April 2022

PENGENALAN

Warner Media, LLC. dan kumpulan syarikat gabungannya yang lebih luas ("**WarnerMedia**" atau "**kami**") komited terhadap amalan perlindungan data yang adil termasuk Pemrosesan maklumat tentang pekerja-pekerja kami (jangka panjang atau pendek), pelatih dan perantis ("**Kakitangan**"). [Anda boleh mengetahui lebih lanjut tentang syarikat gabungan WarnerMedia dengan melayari laman pengawal dan gabungan kami \(https://www.warnermediaprivacy.com/policycenter/b2c/affiliateslist/\).](https://www.warnermediaprivacy.com/policycenter/b2c/affiliateslist/)

Dasar ini memberikan notis kepada Kakitangan tentang amalan WarnerMedia berkenaan dengan penggunaan maklumat yang mungkin WarnerMedia ada tentang Kakitangan.

1. DEFINISI

Pengawal ialah entiti-entiti WarnerMedia yang menentukan tujuan dan cara penggunaan mana-mana Pemrosesan Maklumat Peribadi ([senarai Pengawal boleh didapati dengan melayari laman pengawal dan gabungan kami \(https://www.warnermediaprivacy.com/policycenter/b2c/affiliateslist/\)](https://www.warnermediaprivacy.com/policycenter/b2c/affiliateslist/)). Entiti WarnerMedia yang mengambil anda bekerja sentiasa menjadi Pengawal untuk Maklumat Peribadi anda. Bergantung pada aktiviti Pemrosesan tertentu (seperti yang diterangkan di bawah), mungkin terdapat lebih daripada satu Pengawal berkenaan dengan Maklumat Peribadi tersebut (contohnya, apabila Maklumat Peribadi anda dikongsi dengan syarikat induk untuk tujuan perancangan perniagaan, syarikat induk ini juga mungkin menjadi Pengawal untuk Pemrosesan tersebut). Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang siapakah Pengawal untuk Maklumat Peribadi anda, sila hubungi kami menggunakan kaedah-kaedah yang ditetapkan dalam bahagian 7 di bawah.

Maklumat Peribadi bermaksud sebarang data atau maklumat yang kami Proses yang mengenal pasti, berkaitan, menerangkan atau boleh dikaitkan dengan, atau mungkin dikaitkan secara munasabah, secara langsung atau tidak langsung, dengan seseorang individu.

Pemrosesan, Proses, Diproses merujuk kepada sebarang tindakan yang dilaksanakan oleh WarnerMedia kepada Maklumat Peribadi seperti mengumpul, melihat, mengakses, merakam, menyusun, menganalisis, menyimpan, mengubah suai, menggunakan, mendedahkan atau memadamkan Maklumat Peribadi tersebut dan/atau sebagaimana yang ditakrifkan oleh mana-mana undang-undang yang terpakai.

Maklumat Peribadi Sensitif bermaksud Maklumat Peribadi yang memerlukan tahap perlindungan yang tinggi oleh undang-undang. Khususnya, di bawah Dasar ini, ini termasuk semua maklumat yang dikenal pasti sebagai kategori khas data peribadi di bawah Peraturan Umum Perlindungan Data (GDPR) dan undang-undang dan/atau peraturan perlindungan data lain yang terpakai. Maklumat Peribadi Sensitif mungkin termasuk Maklumat Peribadi yang mendedahkan keturunan kaum atau etnik,

pendapat politik, kepercayaan agama atau falsafah, keahlian kesatuan sekerja, data genetik dan data biometrik yang Diproses untuk tujuan mengenal pasti individu secara unik, data berkenaan kesihatan, kehidupan seks atau orientasi seksual, serta Maklumat Peribadi yang berkaitan dengan sabitan dan kesalahan jenayah atau langkah keselamatan yang berkaitan, dan dalam bidang kuasa tertentu, ini juga termasuk kata laluan dan maklumat kewangan (seperti akaun bank, atau kad kredit atau debit, atau butiran kaedah pembayaran yang lain) jika diperlukan di bawah undang-undang yang terpakai.

2. TUJUAN-TUJUAN DAN ASAS UNDANG-UNDANG PEMROSESAN MAKLUMAT PERIBADI

Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan jika perlu, kami Memproses Maklumat Peribadi Kakitangan untuk tujuan-tujuan berikut:

- (i) Demi mewujudkan dan melaksanakan sebarang kontrak dengan anda, untuk mengekalkan, mengurus atau menamatkan sebarang perhubungan kontrak dan untuk membolehkan anda melaksanakan sebarang perkhidmatan bagi tujuan pekerjaan anda atau sebaliknya, atau yang perlu berkaitan dengan perkhidmatan atau faedah yang anda minta daripada kami, secara khususnya:
 - Pentadbiran gaji dan faedah dan ketidakhadiran, pampasan dan pengurusan perbelanjaan;
 - Menguruskan kakitangan kami, contohnya, pengurusan suai tugas dan keluar dan prestasi;
 - Membolehkan anda mengakses insurans perubatan, skim pencen dan faedah lain yang ditawarkan oleh WarnerMedia dan penyedia-penyedia lain termasuk pengurusan pemindahan pekerja, perjalanan dan/atau penempatan semula (termasuk bantuan imigrasi). Sesetengah faedah mungkin memerlukan anda untuk memberikan Maklumat Peribadi tentang ahli-ahli keluarga, pasangan atau waris terdekat, dalam keadaan tersebut anda mesti memaklumkan mereka sebelum memberikan Maklumat Peribadi tersebut kepada kami dan mendapatkan persetujuan mereka sekiranya maklumat ini diperlukan oleh undang-undang yang terpakai;
 - Pengurusan hak dan penempatan kredit, jika berkenaan; dan
 - Mengatur perjalanan profesional (termasuk penginapan hotel) dan insurans yang berkaitan.
- (ii) Untuk mematuhi kewajipan undang-undang termasuk:
 - Membuat potongan daripada gaji untuk tujuan cukai dan keselamatan sosial serta memberikan maklumat kepada pihak berkuasa cukai dan keselamatan sosial seperti yang diperlukan oleh undang-undang;
 - Mengurus gaji sakit berkanun dan gaji bersalin/paterniti/ibu bapa;
 - Melibatkan diri dalam aktiviti penglibatan perhubungan pekerja wajib;
 - Menjalankan pemeriksaan yang diperlukan ke atas hak untuk bekerja; dan
 - Menjalankan atau mendapatkan kesihatan dan keselamatan pekerjaan dan penilaian perubatan yang diperlukan.

(iii) Untuk kepentingan sah kami seperti yang disenaraikan di bawah (iaitu kepentingan kami tidak ditindih oleh hak perlindungan data anda) atau apabila anda telah memberikan persetujuan seperti yang diperlukan di bawah undang-undang yang berkenaan dalam bidang kuasa tertentu:

- Membangunkan kakitangan kami – contohnya, latihan dan pembangunan kepimpinan, pengurusan penggantian, pengiktirafan anugerah, aktiviti tanggungjawab korporat sosial, tinjauan pekerja dan komunikasi kepada pekerja;
- Merancang perniagaan kami termasuk perancangan penggantian, penyusunan semula dan penstrukturan semula, perancangan lokasi pejabat, pelaporan perniagaan dan HR serta analisis statistik tenaga kerja kami, perancangan promosi, "*pitching*", permohonan untuk anugerah dan pengiktirafan profesional lain, bekerjasama atau mengambil bahagian dalam inisiatif industri, memohon insentif industri hiburan (jika berkenaan), menghadiri dan menganjurkan acara profesional atau promosi, sebarang aktiviti yang berkaitan dengan pemulihan bencana, sandaran dan kesinambungan perniagaan harian dan mencatat/mengarkibkan sebarang operasi perniagaan dan dokumen termasuk kontrak, e-mel, pengeluaran atau ciptaan pemasaran;
- Membangunkan, menugaskan, menghasilkan, menerbitkan, mengedar, mempromosi dan mengkomersialkan pengeluaran, permainan dan/atau kandungan audio visual kami yang lain, jika berkenaan;
- Menyimpan dan mengarkibkan pengeluaran, permainan dan/atau kandungan audio visual kami yang lain, jika berkenaan;
- Melindungi kepentingan perniagaan dan hak undang-undang kami yang sah. Ini termasuk tetapi tidak terhad pada penggunaan yang berkaitan dengan tuntutan undang-undang, pematuhan, kawal selia, pengauditan, tujuan penyiasatan dan tata tertib (termasuk pendedahan maklumat sedemikian berhubung dengan proses undang-undang atau litigasi, atau jika diminta oleh penguatkuasa undang-undang atau pihak ketiga yang berkaitan) dan Pemprosesan yang berkaitan dengan dasar etika dan pematuhan seperti Piawaian Tatakelakuan Perniagaan (*Standards of Business Conduct*) dan alat pelaporan yang berkaitan;
- Mengurus prestasi dan keselamatan peralatan, kemudahan, harta intelek dan platform elektronik kami menurut dasar kami. Ini termasuk mentadbir hak akses, pengurusan dan kawalan akses bangunan dan kawasan termasuk log akses, memantau pematuhan keselamatan maklumat dan dasar WarnerMedia lain, pengendalian CCTV dan perisian dan sistem rakaman lain, dan jika dibenarkan oleh undang-undang tempatan dan menurut dasar yang berkaitan, menggunakan Maklumat Peribadi untuk siasatan dan tindakan tata tertib;
- Memastikan keselamatan dan perlindungan Kakitangan, bukan pekerja dan pelawat kami;
- Menyediakan perkhidmatan komunikasi seperti e-mel, telefon dan akses Internet;
- Menjalankan aktiviti komunikasi dan penglibatan, termasuk menghantar komunikasi dalaman kepada Kakitangan (termasuk berkomunikasi, dan memaklumkan pekerja semasa krisis), diskaun Kakitangan, program kesetiaan atau pertalian, serta akses kepada promosi,

pertandingan dan produk syarikat, mengurus penyertaan dalam acara dan mengendalikan maklumat perhubungan kecemasan;

- Menerbitkan direktori dalaman, carta dan menyediakan alat komunikasi dalaman yang lain. Ini termasuk maklumat yang anda berikan untuk sebarang profil dalaman syarikat (termasuk gambar anda, jika berkenaan dan dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai);
- Sebagaimana yang berkenaan, menganalisis dan memantau kepelbagaian tenaga kerja menurut undang-undang yang terpakai. Ini termasuk, sebagai contoh, pematuhan undang-undang pekerjaan peluang sama rata;
- Mendapatkan insurans dan memproses tuntutan;
- Menjalankan tinjauan pekerja dan melibatkan pihak ketiga untuk menjalankan tinjauan pekerja; dan
- Mengendalikan Maklumat Peribadi anda berkaitan aktiviti pengambilan atau suai tugas yang anda terlibat termasuk semakan CV, temu bual, konflik kepentingan, (jika dibenarkan oleh undang-undang) pemeriksaan berkaitan dan semakan latar belakang serta memohon permit visa/kerja, jika berkenaan.

(iv) Anda telah memberikan persetujuan anda seperti:

- Menyediakan rujukan kepada pihak ketiga yang telah anda minta;
- Menjalankan pemeriksaan dan semakan latar belakang tertentu di mana persetujuan anda diperlukan oleh undang-undang; dan
- Memproses seperti yang diterangkan dalam mana-mana persetujuan lain yang kami minta daripada anda.

Jika mana-mana tujuan ini melibatkan Pemprosesan Maklumat Peribadi Sensitif, ini hanya akan dilakukan jika dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, contohnya anda telah memberikan persetujuan yang jelas dan diberi secara bebas (yang mungkin diberikan secara bertulis), anda telah mendedahkan Maklumat Peribadi kepada umum secara nyata, kami dikehendaki menjalankan Pemprosesan disebabkan oleh undang-undang pekerjaan atau keselamatan sosial yang terpakai, atau terdapat kepentingan awam yang ketara dalam Pemprosesan ini.

Sekiranya Pemprosesan ini melibatkan aktiviti pemantauan, sebarang aktiviti pemantauan, pemintasan atau penyiasatan sedemikian akan dijalankan menurut pengatur tadbir urus untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang yang terpakai (jika undang-undang yang terpakai membenarkan aktiviti pemantauan tersebut) dan dasar dalaman. Jika dibenarkan, sebahagian daripada ini mungkin terselindung atau disasarkan secara khusus berhubung dengan Kakitangan tertentu. Ini hanya akan berlaku dalam keadaan luar biasa dan biasanya disebabkan oleh kebimbangan tentang kelakuan individu atau disyaki melakukan aktiviti jenayah. Sebarang Maklumat Peribadi yang dikumpul mungkin digunakan untuk membuktikan fakta dan sebagai bukti dalam sebarang kemungkinan/ekoran prosiding/tindakan undang-undang, jenayah atau tatatertib. Pemantauan juga mungkin digunakan untuk tujuan kesinambungan perniagaan, termasuk apabila Kakitangan tidak hadir atau telah meninggalkan perniagaan.

3. JENIS DAN SUMBER MAKLUMAT PERIBADI YANG DIKUMPUL

Secara amnya, kami akan mengumpul Maklumat Peribadi secara langsung daripada Kakitangan dan akan mengumpul Maklumat Peribadi yang diminta daripada anda atau sebaliknya anda memberikannya, sebagai sebahagian pekerjaan anda, termasuk butiran perhubungan seperti alamat, nombor telefon dan alamat e-mel, serta maklumat kewangan seperti maklumat akaun bank. Kami juga mungkin mencipta Maklumat Peribadi sebagai sebahagian daripada pekerjaan anda seperti rekod prestasi, kemahiran dan pengalaman anda, maklumat gaji dan rekod ketidakhadiran anda. Namun, setakat yang dibenarkan oleh undang-undang dan jika perlu untuk mencapai tujuan Pemprosesan, WarnerMedia mungkin mengumpul Maklumat Peribadi daripada sumber lain (jika dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai) termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Organisasi kerajaan, penyedia kesihatan dan penyedia faedah, contohnya maklumat yang diperlukan untuk membantu mengenal pasti faedah yang dicari-cari atau diperlukan untuk memastikan pematuhan undang-undang percukaian;
- Rakan kongsi perniagaan dan penyedia perkhidmatan seperti syarikat yang menyediakan latihan dan sebarang aktiviti lain yang berkaitan, syarikat yang membuat semakan latar belakang, syarikat telefon dan syarikat teks. Ini boleh termasuk butiran latihan anda, butiran yang disertakan dalam sebarang semakan latar belakang atau pemeriksaan dan butiran penggunaan anda terhadap penyedia perkhidmatan kami;
- Penyelia Kakitangan dan rakan sekerja atau penyokong yang dicalonkan; dan
- Maklumat tersedia secara umum yang mungkin disiarkan di Internet, dalam akhbar, dsb. yang digunakan berkaitan dengan penyiasatan atau semakan pemeriksaan atau sebaliknya dibawa kepada perhatian kami.

4. PENYIMPANAN DATA

WarnerMedia menyimpan Maklumat Peribadi hanya selama tempoh yang diperlukan untuk tujuan Pemprosesan Maklumat Peribadi tersebut. Ini bermakna tempoh penyimpanan akan berbeza mengikut jenis Maklumat Peribadi dan sebab kami menyimpan Maklumat Peribadi ini.

Secara am, kami akan menyimpan Maklumat Peribadi anda selama perjalanan hubungan pekerjaan anda dengan kami (kecuali jika undang-undang yang terpakai hanya membenarkan tempoh yang lebih singkat) dan selama tempoh tertentu selepas penamatan pekerjaan. Kami mempunyai dasar penyimpanan dalaman terperinci yang menetapkan tempoh penyimpanan yang berbeza untuk kategori Maklumat Peribadi yang berbeza, bergantung pada kewajipan undang-undang dan sama ada terdapat keperluan komersial untuk menyimpan Maklumat Peribadi tersebut. Selepas tempoh penyimpanan telah luput, Maklumat Peribadi akan dipadamkan dengan selamat melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang yang terpakai, kami perlu menubuhkan, melaksanakan atau membela tuntutan undang-undang. Untuk maklumat lanjut tentang tempoh penyimpanan yang berkenaan, anda harus menghubungi Pengawal anda menggunakan kaedah perhubungan yang ditetapkan di bawah.

5. MEMINDAHKAN, BERKONGSI DAN MENDEDAHKAN MAKLUMAT PERIBADI

WarnerMedia mungkin berkongsi Maklumat Peribadi Kakitangan dengan pihak ketiga atau dalam kumpulan syarikat WarnerMedia yang terletak di seluruh dunia dan khususnya di Amerika Syarikat iaitu tempat WarnerMedia, LLC berpusat. [Anda boleh mengetahui lebih lanjut mengenai syarikat WarnerMedia dengan melayari laman pengawal dan gabungan kami \(https://www.warnermediaprivacy.com/policycenter/b2c/affiliateslist/\)](https://www.warnermediaprivacy.com/policycenter/b2c/affiliateslist/). Setiap kali kami memindahkan Maklumat Peribadi ke luar United Kingdom, Switzerland, Kawasan Ekonomi Eropah (EEA), Tanah Besar China atau mana-mana negara yang menyekat pemindahan data, kami memastikan bahawa perlindungan yang sesuai disediakan dengan menggunakan mekanisme pemindahan data yang sesuai seperti keputusan kelayakan yang diterima pakai oleh bidang kuasa yang terpakai seperti Suruhanjaya EU yang menggunakan Klausula Kontrak Standard yang diluluskan, pensijilan pemindahan data antarabangsa, atau tatakelakuan, atau Peraturan Korporat Mengikat (*Binding Corporate Rules*).

Kakitangan boleh mendapatkan maklumat lanjut tentang mekanisme pemindahan yang kami harapkan apabila memindahkan Maklumat Peribadi mereka ke luar United Kingdom, Switzerland, EEA atau bidang kuasa lain yang mungkin memerlukan mekanisme pemindahan dengan menghubungi kami di WMPPrivacy@warnermedia.com.

- ***Perkongsian data dalam keluarga syarikat WarnerMedia***

Semua entiti WarnerMedia adalah sebahagian kumpulan syarikat WarnerMedia yang beroperasi di peringkat antarabangsa. Semua ahli kumpulan WarnerMedia menyokong dan berinteraksi antara satu sama lain untuk menjalankan perniagaan dan menetapkan strategi seluruh kumpulan. Maklumat Peribadi tertentu boleh diakses oleh mana-mana kumpulan syarikat WarnerMedia di seluruh dunia (seperti maklumat direktori korporat) di mana terdapat asas undang-undang untuk berbuat demikian. Maklumat Peribadi lain akan Diproses oleh pengurus atasan anda, pekerja dalam pasukan HR tempatan anda dan pasukan perkhidmatan kongsi Undang-undang, Pematuhan, Kewangan dan HR jika berkaitan, perlu dan dibenarkan oleh undang-undang. Sesetengah pekerja dan sistem IT ini mungkin berada di luar negara anda termasuk di Amerika Syarikat. Semua akses tertakluk pada langkah keselamatan data dan kawalan dalaman yang diwujudkan di bawah dasar WarnerMedia yang terpakai dan terhad pada perkara yang berkaitan dan bersekadar untuk tujuan sah yang berkaitan.

Maklumat Peribadi tertentu dikongsi dalam kalangan kumpulan syarikat WarnerMedia untuk tujuan pelaporan kumpulan, undang-undang, pengurusan dan kawal selia termasuk nama, pekerja dan nombor ID, tarikh lahir, jantina, maklumat peranan dan maklumat gaji. [Anda boleh mengetahui lebih lanjut mengenai syarikat WarnerMedia dengan melayari laman pengawal dan gabungan kami \(https://www.warnermediaprivacy.com/policycenter/b2c/affiliateslist/\)](https://www.warnermediaprivacy.com/policycenter/b2c/affiliateslist/).

- ***Perubahan Kawalan***

Sekiranya kami menjalani suatu peralihan perniagaan seperti penggabungan, pengambilalihan, kebangkrapan, penyusunan semula atau penjualan semua atau sebahagian aset kami, atau proses usaha wajar berkaitan transaksi perniagaan berpotensi, maklumat yang kami kumpul dan simpan mungkin didedahkan, dijual atau dipindahkan sebagai sebahagian transaksi tersebut. Sekiranya

pemindahan tersebut tertakluk pada sekatan tambahan di bawah undang-undang yang terpakai, kami akan mematuhi sekatan tersebut.

- ***Perkongsian data dengan pihak ketiga***

WarnerMedia perlu terlibat bersama pihak ketiga untuk menjalankan setiap aspek perniagaan. Jika perlu untuk melaksanakan aktiviti Pemprosesan yang ditetapkan dalam bahagian 2 di atas, WarnerMedia berkongsi Maklumat Peribadi dengan:

- (i) ***Pembekal perkhidmatan pihak ketiga*** yang membantu WarnerMedia menjalankan aktiviti perniagaan. Contohnya, penyedia IT (sumber dan sokongan), penyedia latihan, syarikat keselamatan, penyedia faedah, penyedia perkhidmatan gaji dan HR berkaitan lain, syarikat pelancongan/acara/komunikasi, hotel dan syarikat pengangkutan dsb. serta mana-mana penasihat (cth. peguam, akauntan, juruaudit, dsb.) dan syarikat insurans;
- (ii) ***Rakan kongsi perniagaan*** seperti rakan kongsi acara, penerbit bersama, penyiar, pemegang lesen dan pengedar serta penganjur anugerah; dan
- (iii) ***Pihak ketiga lain yang berkaitan*** seperti wartawan, organisasi profesional, badan industri, agensi atau pihak berkuasa awam/kerajaan, penguatkuasaan undang-undang, perhubungan dan perkhidmatan kecemasan, atau bakal pembeli WarnerMedia atau sebahagian perniagaannya serta penasihat pembeli berpotensi tersebut.

6. HAK KAKITANGAN DAN PEMROSESAN WAJIB

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang yang terpakai, Kakitangan mungkin berhak **mengakses** Maklumat Peribadi mereka; untuk **membetulkan (atau mengemas kini), memadam** atau **menyekat** (menghentikan sebarang pengaktifan) Pemprosesan Maklumat Peribadi mereka; dan untuk mendapatkan Maklumat Peribadi yang diberikan oleh mereka kepada kami dalam format berstruktur, biasa digunakan dan boleh dibaca mesin serta meminta kami berkongsi (**kemudahan**) Maklumat Peribadi ini kepada pengawal lain.

Selain itu, Kakitangan mungkin berhak **membantah Pemprosesan** Maklumat Peribadi mereka dalam sesetengah keadaan (khususnya, jika kami tidak perlu Memproses Maklumat Peribadi untuk memenuhi keperluan kontrak atau undang-undang lain). Apabila WarnerMedia meminta persetujuan anda, anda berhak **menarik balik persetujuan anda** pada bila-bila masa dengan menghubungi Pengawal anda menggunakan kaedah perhubungan yang ditetapkan di bawah.

Seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang yang terpakai, Kakitangan juga mungkin berhak untuk **tidak tertakluk pada keputusan automatik tertentu sepenuhnya**.

Hak yang dinyatakan di atas tidak selalunya terpakai atau mungkin terhad di bawah GDPR atau undang-undang yang terpakai. Dalam keadaan tertentu, WarnerMedia mungkin tidak bertindak atas permintaan atas sebab-sebab tersebut. WarnerMedia akan memaklumkan anda tentang pengecualian berkaitan yang kami gantungkan pada semasa membalas sebarang permintaan anda.

Sekiranya anda tidak berpuas hati dengan cara WarnerMedia membalas permintaan anda atau cara kami Memproses Maklumat Peribadi anda, anda juga berhak untuk mengadu kepada pihak berkuasa

perlindungan data di tempat anda tinggal, bekerja atau lokasi yang anda percaya pelanggaran telah berlaku dan anda just berhak untuk membawa tindakan ke mahkamah.

Kami akan memberitahu anda jika pengumpulan Maklumat Peribadi adalah wajib – ini termasuk Maklumat Peribadi yang diperlukan untuk melaksanakan kontrak kami dengan anda, maklumat yang diperlukan untuk menyemak hak anda untuk bekerja dan untuk mengurus prestasi anda. Seperti yang dibenarkan di bawah undang-undang yang terpakai, kegagalan untuk memberikan maklumat mungkin melanggar perjanjian anda dengan kami dan mungkin dikenakan tindakan tatatertib. Kakitangan juga dikehendaki melaporkan sebarang perubahan pada Maklumat Peribadi yang wajib (khususnya, nombor akaun bank anda dan sebarang perubahan dalam butiran perhubungan anda). Bagi Maklumat Peribadi yang diberikan berdasarkan pilihan seperti butiran perhubungan kecemasan, anda mungkin mendapat beberapa akibat buruk sekiranya tidak mahu memberikannya.

7. MENGHUBUNGI PENGAWAL ANDA

Untuk melaksanakan mana-mana hak yang disenaraikan dalam bahagian 6 di atas, atau sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau kebimbangan tentang cara WarnerMedia Memproses Maklumat Peribadi anda (atau sebarang pertanyaan tentang Dasar ini), atau untuk menghubungi Pengawal atau Pegawai Perlindungan Data (*DPO*) Pengawal anda, sila hantarkan e-mel kepada WMPrivacy@warnermedia.com. Anda juga boleh menghubungi pasukan HR tempatan dengan pertanyaan atau kebimbangan anda tetapi penggunaan alamat e-mel di atas akan terus menghalakan pertanyaan anda kepada pasukan Privasi kami dengan lebih baik.

Pegawai Perlindungan Data:

Susan Rohol
4000 Warner Blvd.
Burbank, CA 91522
USA

8. PENGUBAHSUAIAN DASAR

WarnerMedia berhak mengubah suai Dasar ini pada bila-bila masa. Setakat yang dikehendaki oleh undang-undang, perubahan Dasar ini akan dimaklumkan kepada Kakitangan dan jika berkenaan, sebarang persetujuan tambahan akan diminta.